



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# **Kenyataan Media**

## **Press Release**

### **Untuk Siaran Segera**

## **GAYA HIDUP DIGITAL MALAYSIA DIPERKASAKAN MELALUI U-PUSTAKA**

**Kuala Lumpur, 18 Oktober 2012** – Promosi inisiatif u-Pustaka dipertingkatkan lagi dengan pengiklanan melalui bas awam di sekitar Kuala Lumpur. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan telah merasmikan promosi ini di dalam satu majlis pemasyhuran di Kompleks Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.

Promosi selama tiga bulan ini akan menyaksikan sebanyak lapan buah bas yang dihiasi dengan iklan u-Pustaka menyusuri lapan laluan ke destinasi terpilih di sekitar Lembah Klang. Kawasan yang diliputi oleh laluan bas ini termasuklah Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Subang Jaya dan Shah Alam.

Dalam ucapan perasmiannya, Dato' Seri Utama Dr. Rais menyatakan sudah tiba masanya bagi institusi perpustakaan di Malaysia melalui proses transformasi bagi menggalakkan pembelajaran berterusan di kalangan rakyat. Di samping itu, promosi pelbagai kemudahan berteraskan jalur lebar yang menyokong inisiatif Gaya Hidup Digital Malaysia (*Digital Lifestyle Malaysia*) perlu ditingkatkan. Beliau turut menyarankan supaya rakyat bijak mentafsir maklumat yang mudah

# Kenyataan Media

## Press Release

diperolehi melalui pelbagai wadah keilmuan supaya ianya memberi manfaat dan nilai positif kepada mereka.

u-Pustaka adalah satu inisiatif yang diterajui oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bersama dengan satu konsortium melibatkan 8 perpustakaan seluruh negara. Ianya bertujuan untuk menawarkan capaian mudah kepada sumber khazanah pengetahuan dengan memanfaatkan kemudahan ICT dan perkhidmatan komunikasi mudah alih yang semakin meluas.

Keahlian u-Pustaka adalah percuma dan ahli-ahli boleh meminjam buku melalui kios atau portal u-Pustaka dan buku tersebut akan dihantar ke rumah peminjam melalui PosLaju. Penghantaran semula buku berkenaan pula boleh dilakukan menerusi PosLaju ataupun melalui gelongsor buku yang berdekatan. Satu kos minima akan dikenakan apabila perkhidmatan PosLaju digunakan dan pembayaran boleh dibuat secara atas talian. Untuk maklumat lanjut, sila layari portal u-Pustaka di [www.u-pustaka.com](http://www.u-pustaka.com).

[Tamat]

---

### **Nota kepada Editor:**

Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media. Harap maklum. Terima kasih.



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Muhamad Tahir Muhamad Noor  
Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Rahayu Abdul Aziz  
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: +603 8688 8000      Faks: +603 8688 1007      E-mel: [ccd@cmc.gov.my](mailto:ccd@cmc.gov.my)